# Dana **Syariah**

Pengurusan Aset

www.affinhwangam.com

Out **think.** Out **perform.**

AFFIN HWANG CAPITAL



KENYATAAN AMARAN

Lembaran Serlahan Produk telah disediakan untuk Affin Hwang Aiiman Cash Fund I ("ACFI"), Affin Hwang Aiiman Money Market Fund ("AMMF"), Affin Hwang Aiiman Income Plus Fund ("AIPF"), Affin Hwang Aiiman Balanced Fund ("ABF"), Affin Hwang Aiiman Select Income Fund ("ASIF"), Affin Hwang Aiiman Equity Fund ("AEF"), Affin Hwang Aiiman Growth Fund ("AGF") dan Affin Hwang Aiiman PRS Shariah Growth Fund ("APRSSG") dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan tersebut.

Para pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan Lembaran Serlahan Produk, Prospektus bertarikh 22 September 2014 (bagi ASIF) / Prospektus Induk bertarikh 22 September 2014 (bagi AMMF, AIPF, ABF, AEF, AGF) / Memorandum Maklumat bertarikh 22 September 2014 (bagi ACFI)/ Dokumen Pendedahan bertarikh 22 September 2014 (bagi APRSSG) sebelum melabur. Prospektus, Prospektus Induk, Memorandum Maklumat dan Dokumen Pendedahan telah didaftarkan dan Lembaran Serlahan Produk telah diserah simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, di mana ia tidak bertanggungjawab terhadap isi kandungannya. Salinan Prospektus, Prospektus Induk, Memorandum Maklumat, Dokumen Pendedahan dan Lembaran Serlahan Produk boleh didapati di pejabat jualan Affin Hwang Capital.

Unit-unit hanya akan diterbitkan apabila menerima borang permohonan yang dirujuk dan disertakan bersama Prospektus/Prospektus Induk/Memorandum Maklumat/Dokumen Pendedahan dan Lembaran Serlahan Produk. Terdapat yuran dan caj yang dikenakan apabila melabur didalam dana. Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan yuran dan caj tersebut dengan teliti sebelum melabur. Harga unit dan pengagihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik dan prestasi masa lalu dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa hadapan. Jika anda bercadang untuk membeli unit dana melalui pembiayaan pinjaman, anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan "Kenyataan Pendedahan Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah" sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Malaysia ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.

**Affin Hwang Asset Management Bhd (429786-T)**
**(Dahulu dikenali sebagai Hwang Investment Management Bhd)**
Suite 11-01, 11th Floor, Menara Keck Seng, 203 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia
Talian Bebas Tol: 1800 88 7080 T: +603 2116 6000 F: +603 2116 6100

| Nama Dana / (Kelas) | Kategori/ Jenis Dana | Tarikh Pelancaran | Objektif Pelaburan | Profil Pelabur | Peruntukan Aset (daripada NAB Dana) | Caj Jualan Seunit (atas NAB Seunit Dana) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Affin Hwang Aiiman Cash Fund I**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Hwang AIIMAN Cash Fund)*<br>EPF MIS | Dana Pasaran Wang (Dana Borong) / Pendapatan | 22 Ogos 2006 | Dana menawarkan para pelabur dengan aliran pendapatan teratur dan tahap kecairan yang tinggi untuk memenuhi keperluan aliran tunai di samping mengekalkan pemeliharaan modal. | Sesuai terutamanya bagi Pelabur Berkelayakan yang berisiko rendah, yang biasanya konservatif, mengelakkan risiko dan mengutamakan pelaburan jangka pendek yang mematuhi keperluan Syariah. | - Sukuk & Instrumen Pasaran Wang Islam Jangka Pendek (dengan kematangan kurang daripada 365 hari): 90%-100%<br>- Sukuk & Instrumen Pasaran Wang Islam Jangka Pendek (dengan kematangan lebih daripada 365 hari tetapi kurang daripada 732 hari): Sehingga 10% | Tiada |
| **Affin Hwang Aiiman Money Market Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Affin Islamic Money Market Fund)*<br>EPF MIS | Pasaran Wang Islam / Pendapatan | 13 November 2008 | Untuk menyediakan kecairan jangka pendek dan pendapatan di samping mengekalkan kestabilan modal dengan melabur dalam portfolio instrumen pasaran wang Islam yang pelbagai. | Pelabur yang inginkan pendapatan tetap dalam pelaburan yang berkecairan tinggi; atau pelabur yang inginkan kepelbagaian daripada kelas aset ekuiti patuh Syariah; atau pelabur dengan ufuk pelaburan jangka pendek iaitu 1 tahun dan ke bawah. | - Sukuk/debentur Islam, instrumen pasaran wang Islam dan akaun pelaburan dengan institusi kewangan yang mempunyai kematangan kurang daripada 365 hari: Sekurang-kurangnya 90%<br>- Sukuk/debentur Islam, instrumen pasaran wang Islam dan akaun pelaburan dengan institusi kewangan yang mempunyai kematangan lebih daripada 365 hari tetapi kurang daripada 732 hari: Sehingga 10% | Tiada |
| **Affin Hwang Aiiman Income Plus Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Hwang AIIMAN Income Plus Fund)*<br>EPF MIS | Bon / Pendapatan | 28 Jun 2004 | Untuk menyediakan aliran pendapatan teratur sepanjang tempoh jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan terutamanya dalam debentur patuh Syariah atau Sukuk. | Sesuai bagi pelabur yang inginkan pengagihan pendapatan tetap, mempunyai ufuk pelaburan sederhana hingga panjang dan mempunyai toleransi risiko yang rendah. | - Sukuk terbitan Malaysia sama ada diterbitkan oleh kerajaan Malaysia atau syarikat-syarikat swasta: Min. 80%<br>- Tunai dan instrumen pasaran wang Islam: Mak. 20% | Sehingga 2% |
| **Affin Hwang Aiiman Balanced Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Dana Islamiah Affin)* | Islamik Seimbang / Pendapatan & Pertumbuhan | 11 November 2001 | Untuk mencapai pulangan munasabah dalam kedua-dua pendapatan dan pertumbuhan modal sepanjang tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio sekuriti yang luas dan dibenarkan serta lain-lain pelaburan yang patuh prinsip Syariah. | Pelabur yang inginkan portfolio pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah dan sanggup menerima risiko yang sederhana. | - Ekuiti patuh Syariah: 40% - 60%<br>- Pasaran wang Islam & sukuk/debentur Islam: 40% - 60%<br>- Aset cair Islam: Min. 3% | Sehingga 5% |
| **Affin Hwang Aiiman Select Income Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Hwang AIIMAN Select Income Fund)* | Aset Campuran (Konservatif) / Pendapatan | 1 Mac 2013 | Dana berusaha untuk menyediakan para pelabur dengan aliran pendapatan teratur melalui pelaburan patuh Syariah. | Sesuai bagi pelabur yang berharap untuk menerima pengagihan pendapatan tetap, mempunyai penerimaan risiko yang sederhana, mengharapkan pertumbuhan sampingan dalam modal dan mahukan pelaburan yang patuh keperluan Syariah. | - Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam: Min. 60% - mak. 100%<br>- Ekuiti patuh Syariah: Mak. 40%<br>- Tunai dan deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan: Baki yang tinggal | Sehingga 3% |
| **Affin Hwang Aiiman Equity Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Affin Islamic Equity Fund)* | Ekuiti Islam / Pertumbuhan Modal | 1 Ogos 2007 | Dana bertujuan untuk menyediakan para pelabur dengan pulangan stabil dengan membolehkan pelabur untuk mengambil bahagian dalam prospek pertumbuhan pasaran Malaysia yang mematuhi prinsip Syariah. | Pelabur yang inginkan potensi pulangan lebih tinggi dan sanggup menerima naik turun nilai yang lebih tinggi; atau pelabur yang mahukan kepelbagaian daripada kelas aset lain seperti deposit Islam atau sukuk/debentur Islam; atau pelabur dengan ufuk pelaburan jangka sederhana hingga panjang. | - Ekuiti patuh Syariah: 70% - 97%<br>- Aset cair Islam: Min. 3% | Sehingga 5.5% |
| **Affin Hwang Aiiman Growth Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Hwang AIIMAN Growth Fund)*<br>EPF MIS | Ekuiti / Pertumbuhan | 8 Oktober 2002 | Untuk mencapai pertumbuhan modal yang konsisten sepanjang jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan pelaburan lain yang diluluskan bersesuaian dengan falsafah dan undang-undang Islam. | Sesuai bagi pelabur jangka sederhana hingga panjang, yang mempunyai toleransi terhadap risiko dan inginkan pulangan lebih tinggi ke atas pelaburan mereka yang mematuhi keperluan Syariah. | - Ekuiti: min. 70% - mak. 100%<br>- Tunai dan instrumen pasaran wang Islam: Mak. 30% | Sehingga 5.5%* |
| **Affin Hwang Aiiman PRS Shariah Growth Fund**<br>*(Dahulu dikenali sebagai Hwang AIIMAN PRS Shariah Growth Fund)* | Pengantara (Ekuiti) | 31 Oktober 2012 | Membantu pengumpulan simpanan persaraan dengan menjana pertumbuhan modal melalui skim pelaburan kolektif berlandaskan Shariah yang mengutamakan pelaburan ekuiti. | Sesuai bagi Ahli yang inginkan potensi pertumbuhan modal dan mempunyai toleransi terhadap risiko. | Skim pelaburan kolektif tunggal iaitu Affin Hwang Aiiman Growth Fund: Min. 95% - mak. 100% | Tiada |

Nota: 1. EPF MIS: Dana Unit Amanah yang berkelayakan di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP.
2. *Bagi pelaburan melalui EPF MIS, Caj Jualan akan dikenakan sehingga 3% ke atas NAB setiap Unit Dana.